

09 OCT 2002

Law-Pokok

UTAMAKAN PENANAMAN POKOK SPESIES TEMPATAN

PUTRAJAYA, 9 Okt (Bernama) -- Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding hari ini menyeru masyarakat negara ini agar mengutamakan penanaman pokok daripada spesies tempatan dalam usaha menanam lebih banyak pokok di kawasan bandar.

Katanya, mengutamakan penanaman pokok daripada spesies tempatan adalah sebahagian daripada usaha meneruskan dasar kebangsaan memandangkan hutan di negara ini memiliki banyak spesies yang menarik dan mudah ditanam.

"Kita mempunyai pelbagai spesies pokok dan bunga yang bermacam-macam warna yang bagus di dalam hutan di negara ini," katanya pada sidang media selepas menerima sijil pokok daripada Persatuan Pencinta Alam Malaysia di pejabatnya hari ini.

Katanya penanaman pokok daripada spesies yang diimport bukan tidak digalakkan tetapi kebanyakan pokok yang diimport mengalami masalah dengan faktor cuaca negara ini.

Beliau mengambil contoh pokok akasia iaitu sejenis spesies import yang diancam kepupusan kerana faktor cuaca yang tidak sesuai di negara ini.

Pokok tersebut mengalami masalah keguguran daun dan mudah mati apabila terdedah dengan pancaran matahari yang keterlaluan seperti yang berlaku sewaktu musim kemarau yang lepas, katanya.

Sementara itu, acara Millinium Gift Of Tree To The Nation yang berlangsung di Taman Bukit Jalil dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 Okt tahun lepas telah mendapat kejayaan dan sambutan hebat daripada orang ramai.

Acara tersebut merupakan inisiatif dan kerjasama daripada Jabatan Landskap Kebangsaan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang melibatkan penanaman pokok sebanyak 110,641 dalam masa satu minit yang direkodkan dalam Malaysian Book Of Records.

-- BERNAMA

LIB ZMN AHH NMO